



membantu mencuci rumah yang dipenuhi lumpur.



, menunjukkan paras air banjir yang berlaku di kawasan rumahnya.



sin, 42, melihat barangan yang terjejas.



membantu membersihkan rumah mangsa banjir.



BANJIR PALING BURUK

■ 100 rumah di Puncak Alam ditenggelami banjir

Oleh Mohd Hasbi Sidek
hmetroshahalam@hmetro.com.my
Puncak Alam

“Kami tidak menjangka banjir besar hingga memecah paras pa-ha berlaku semalam (kelmarin)” kata Pemilik Taska Nur Prisma, Siti Rohani Abdul Samat, 50.

Dalam kejadian petang kelmarin, taska miliknya di Fasa 2B3, Sinar Alam, Bandar Puncak Alam di sini, ditenggelami banjir hingga menyebabkan 20 murid taska itu diselamatkan bomba menaiki bot.

Menurutnya, dia bernasib baik kerana pengasuh dan guru di taska itu mempunyai kepakaran dalam menangani kejadian bencana dan semua kanak-kanak itu berjaya dipindahkan ke kawasan selamat.

“Dalam kejadian jam 4.30 petang itu, terdapat 40 kanak-kanak di dua taska milik saya dipindahkan selepas air naik setinggi 0.5 meter,” katanya.

Beliau berkata, murid taska berusia antara tujuh bulan hingga enam tahun dipindahkan ke surau berdekatan oleh orang ramai dengan bantuan bomba.

“Banyak barang yang rosak membabitkan buku dan



SITI Rohani

perabot taska bernilai RM30,000 akibat kejadian banjir kilat. Semua barangan itu tidak sempat diselamatkan memandangkan kami



MOHD Hanif

sibuk memindahkan kanak-kanak termasuk tiga bayi berusia tujuh dan sembilan bulan,” katanya.

Sementara itu Pengerusi

Persatuan Penduduk Puncak Alam, Mohd Hanif Md Sultan berkata, kejadian banjir kelmarin yang paling buruk sejak kawasan perumahan itu dibuka pada tahun 2002.

“100 kediaman penduduk ditenggelami banjir. Ketika kejadian 50 mangsa membabitkan 24 lelaki dan 13 wanita dipindahkan ke pusat pemindahan sementara (PPS) di Surau Taufiqiyah, Sinar Alam di sini.

“Pada pagi ini (semalam) hanya 10 individu yang masih berada di pusat pemin-

dahan memandangkan air mulai surut sejak awal pagi semalam (kelmarin) dan mereka membuat kerja membersihkan rumah,” katanya.

Pihaknya mengambil inisiatif membuka pusat operasi sejak jam 9 pagi semalam bagi menyalurkan bantuan kepada mangsa terbabat.

“Beberapa agensi kerajaan menjalankan gotong-royong membersihkan kediaman penduduk selain Pasar Raya Tesco menyumbangkan alat membersih,” katanya.

FAKTA
Taska Nur Prisma rugi RM30,000 akibat banjir kilat

RAMALAN CUACA	Ibu negeri Malaysia						HARI INI			ESOK		
	HARI INI			ESOK			PAGI			PAGI		
	PAGI	PETANG	MIN MAKS	PAGI	PETANG	MIN MAKS	PAGI	PETANG	MIN MAKS	PAGI	PETANG	MIN MAKS
Kangar			25° 32°			25° 32°			24° 33°			24° 33°
Alor Setar			24° 32°			24° 32°			24° 33°			24° 33°
Georgetown			24° 32°			25° 32°			24° 33°			24° 33°
Ipoh			24° 33°			24° 33°			24° 33°			24° 33°
Kuala Lumpur			24° 33°			24° 33°			24° 33°			24° 33°
Shah Alam			24° 33°			24° 33°			24° 33°			24° 33°
Seremban			24° 33°			24° 33°			24° 33°			24° 33°
Putrajaya			24° 33°			24° 33°			24° 33°			24° 33°
Melaka			24° 33°			24° 33°			24° 33°			24° 33°
Johor Bahru			24° 33°			24° 33°			24° 33°			24° 33°
Kota Bharu			25° 33°			25° 33°			24° 33°			24° 33°
K Terengganu			24° 32°			24° 32°			24° 33°			24° 33°
Kuantan			24° 33°			24° 33°			24° 33°			24° 33°
Kota Kinabalu			25° 33°			25° 33°			24° 33°			24° 33°
Kuching			24° 33°			24° 33°			24° 33°			24° 33°



MOHD Khairul Azuan Mohd Tohd, 32, membantu isteri, Surizza Ahmad Zamil, 27, mencuci rumah mereka.



MOHAMED Fuzi Yahya, 53, membersihkan permaidani yang kotor di rumahnya.



PELAJAR Maahad Habibullah membersihkan barangan di Tadika Nur Prisma.



KEADAAN banjir yang belum surut di persimpangan Meru ke Puncak Alam, pagi semalam.